

D158

U B730 DEB

UMNO-MT

KUALA LUMPUR, 6 APRIL (BERNAMA) -- MAJLIS TERTINGGI UMNO YANG BERSIDANG SELAMA KIRA-KIRA EMPAT JAM HARI INI MEMBERI PENEKANAN KEPADA DUA PERKARA POKOK - KEADAAN POLITIK DAN EKONOMI SEMASA.

PRESIDEN UMNO DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENYIFATKAN MESYUARAT YANG BERMULA PADA PUKUL 9 PAGI ITU SEBAGAI MESYUARAT BIASA SERTA MEMPUYAI AGENDA PERSIDANGAN BIASA SAHAJA.

SEMASA MENYENTUH PERKARA POLITIK, BELIAU BERKATA ANTARA YANG DIBINCANGKAN IALAH PILIHAN RAYA DI SABAH DAN MELAPORKAN KEPADA ANGGOTA MAJLIS TERTINGGI MENGENAI PERBINCANGAN BELIAU DENGAN PEMIMPIM-PEMIMPIN PARTI BERSATU SABAH (PBS), USNO DAN BERJAYA SEMASA BELIAU MELAWAT NEGERI ITU BARU-BARU INI.

SEMASA BERCAKAP KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT ITU, DI TINGKAT 38 MENARA DATUK ONN DI SINI, BELIAU BERKATA SELAIN POLITIK SABAH, PERKARA MENGENAI EKONOMI DAN PERANAN YANG HARUS DIMAINKAN OLEH KERAJAAN-KERAJAAN NEGERI BAGI MENJAYAKAN RANCANGAN MALAYSIA KELIMA (RML). -- LAGI
1541MST 06 04 86

D160

U B732 DEB

UMNO-MT 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BEBERAPA PERKARA YANG PERLU DILAKUKAN OLEH KERAJAAN-KERAJAAN NEGERI SEBAGAI TINDAKAN PEMULIHAN KEADAAN EKONOMI SEKARANG JUGA DIBINCANGKAN SECARA TERPERINCI.

+ WALAUPUN PERBINCANGAN HARI INI AGAK PANJANG TETAPI SUBJEKNYA TIDAKLAH BAGITU PANJANG.

+ CUMA BANYAK DETAIL SAHAJA,+ TAMBAH BELIAU.

TIGA ORANG ANGGOTA MAJLIS TERTINGGI - TIMBALAN PRESIDEN DATUK MUSA HITAM, BENDAHARI AGUNG ENCIK DAIM ZAINUDDIN DAN NAIB PRESIDEN, DATUK SERI WAN MOKHTAR AHMAD - TIDAK MENGHADIRI MESYUARAT ITU. --
BERNAMA

1544MST 06 04 86